

6 pendaki takluk puncak Everest

Oleh MOHD. HAZLI HASSAN

KUALA LUMPUR 21 Mei - Enam daripada tujuh pendaki Merdeka de' Everest 2007 termasuk seorang wanita berjaya mengibarkan Jalur Gemilang di puncak Everest setinggi 8,848 meter bermula pukul 6.15 pagi waktu tempatan hari ini.

Semakan data pendakian ke puncak Everest belum pernah mencatatkan kumpulan seramai enam orang berjaya tiba di puncak tertinggi di dunia itu pada satu masa dan berkemungkinan ekspedisi itu bakal mencatatkan satu lagi sejarah baru dunia.

Idris Said, 52, yang bertugas sebagai juruteknik kanan RTM merupakan pendaki pertama tiba di puncak berkenaan diikuti wira muda negara, Ahmad Reduan Rozali, 25, pada pukul 7.28 pagi bersama-sama Ahmad Fakhri Abu Samah, 26.

Ahmad Reduan berjaya menjejakkan kaki di puncak berkenaan buat kali kedua selepas berjaya berada di situ pada tahun 2004.

Pendaki wanita negara, Marina Ahmad, 26, pula menjejakkan kaki ke bumbung dunia itu tepat pukul 8 pagi sekali gus menjadi wanita pertama negara berjaya memijakkan kaki di puncak Everest.

Lima minit selepas ketibaan Marina, Mohd. Rafi Kori, 28, tiba di puncak berkenaan sebelum ketibaan Ketua Ekspedisi Merdeka de' Everest 2007, Muhamad Fauzan Hassan, 40, yang juga anggota ekspedisi Projek Everest '97 pada pukul 9.55 pagi.

Sementara itu, Presiden Persatuan Kembara Negara, Datuk Khalid Yunus, 64, terpaksa membatalkan hasrat untuk menjejaki ke puncak Everest selepas dikatakan terkena

simptom penyakit gunung akut (AMS) ketika dalam perjalanan antara Kem 3 ke Kem 4 yang berada pada paras ketinggian 7,200 meter.

Khalid yang sebelum ini berjaya tiba di Kem 3, beberapa kali terpaksa berpatah balik menuju ke Kem 2 semasa latihan penyesuaian diri ekoran serangan AMS yang agak serius.

Keputusan untuk merehatkan Khalid dibuat oleh Muhamad Fauzan dan doktor perubatan ekspedisi, Dr. Anuar Suun melalui perhubungan radio dua hala.

Menurut Dr. Anuar, Khalid diserang AMS ekoran mengalami kekurangan daya ketahanan badan disebabkan keadaan cuaca yang sering berubah-ubah.

"Bayangkan ketika mereka menuju ke Kem 3, cuaca berkabus dengan suhu sejuk ekstrem tetapi secara tiba-tiba berubah menjadi teramat panas sehingga mencecah 50 darjah celsius.

"Selain itu, Datuk Khalid juga mengalami kekurangan cecair dalam badan selain keletihan kerana terlalu lama terdedah pada cuaca sejuk.

"Apa pun, dia kini dalam keadaan sihat dan banyak doktor dari negara lain yang berada di kem-kem menuju ke puncak membantu beliau," katanya ketika dihubungi melalui sistem komunikasi GSM satelit Celcom.

Malah, Dr. Anuar bersama-sama sekretariat Merdeka de' Everest 2007 yang berada di Perkampungan Malaysia, Kem Pangkalan Everest (EBC) turut berkata, keadaan Khalid bertambah baik dan memberikan respons yang positif dan kini pendaki tertua negara itu sedang berehat di kem 2 sebelum menuju ke EBC Rabu ini.

Mengikut perkiraan awal, para pendaki

akan memijakkan kaki ke puncak berkenaan pada 24 Mei ini namun disebabkan cuaca yang agak baik, pendakian diteruskan untuk ke puncak.

Jejak negara ke Gunung Everest bermula pada 1997 melalui Projek Malaysia-Everest '97 yang diilhamkan oleh bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad di mana dua pendaki, N. Moha-

nadas dan M. Magendran berjaya tiba di puncak berkenaan pada pukul 11.55 pagi, 23 Mei 1997.

Pada 16 Mei 2004 pula, Muhammad Muqharabbin Mokhtaruddin dan Ahmad Reduan Rozali berjaya tiba di bumbung dunia itu pada pukul 8.35 pagi waktu tempatan.

Sementara itu, T. Ravichandran berjaya menjadi pendaki solo pertama negara tiba di puncak berkenaan pada 15 Mei tahun lepas pada pukul 2.15 petang waktu tempatan melalui arah Tibet.

Ekspedisi kali ketiga ke puncak Everest ini ditaja oleh Kementerian Belia dan Sukan, Universiti Teknologi Mara (UiTM), M-Mobile Sdn. Bhd., Celcom (Malaysia) Berhad, Universal Fitness and Leisure (UFL), Nestle Products (M) Berhad, The North Face, Power Bar, Dewina Trading Sdn. Bhd. dan Olympus (Malaysia) Sdn. Bhd.

Utusan Malaysia merupakan akhbar rasmi manakala Radio Televisyen Malaysia (RTM) sebagai penyiar rasmi ekspedisi itu.

Maklumat lanjut boleh diperolehi dengan menghubungi sekretariat di 0322887137 atau melawat laman web www.kembaranegara.net.



JALUR Gemilang dikibar mengiringi langkah pertama pendaki negara menuju ke puncak Everest di EBC.

UM- 22/5/2007

1957 - 2007

MERDEKA de' EVEREST
www.kembaranegara.net
+603-22887137